

# KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

KUTKM.02/10.12/2Jld. 2(36)

13 OKTOBER 2004

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 20/2004

### **PENSTRUKTURAN DAN PENGORGANISASIAN SEMULA KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Eksekutif yang bermesyuarat pada 14 September 2004 telah bersetuju meluluskan Penstrukturan dan Pengorganisasian Semula Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.

2.0 (a) Keputusan Universiti untuk melaksanakan penstrukturan dan pengorganisasian semula adalah berdasarkan kepada perkembangan dan pembangunan pesat Universiti ini sejak dari awal penubuhannya terutama dalam konteks untuk menangani perubahan-perubahan semasa yang berlaku. Adalah jelas bahawa sejak dari awal penubuhan Universiti ini faktor-faktor penting yang menentukan kejayaan matlamat sesebuah organisasi seperti pengurusan sumber manusia, penambahbaikan kepada amalan pengurusan dan kemajuan teknologi maklumat telah mempengaruhi perkembangan dan pembangunan pesat Universiti sehingga kini.

(b) Dalam konteks pentadbiran dan pengurusan universiti ini secara kolektifnya adalah bagi mencapai tanggungjawab visi dan misi Universiti dan akan meliputi empat perkara utama iaitu perancangan ke arah matlamat dan objektif Universiti yang telah ditetapkan; penyelarasan penggembelengan serta gunapakai sumber organisasi secara lebih berkesan; pengawalan dan pemantauan bagi menghindar penyelewengan pembaziran dan kesalahan dari segi pencapaian objektif organisasi; dan kepimpinan serta dorongan ke atas sumber manusia yang diamanahkan untuk melaksanakan setiap tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

(c) Oleh yang demikian langkah penstrukturan dan pengorganisasian semula adalah amat wajar dengan perkembangan persekitaran yang tersebut supaya sistem penyampaian perkhidmatan (service delivery systems) dalam pengurusan Universiti akan menjadi lebih cekap dan berkesan. Ianya juga sebagai satu langkah yang akan dapat membawa perkhidmatan warga Universiti ke arah pencapaian matlamat yang dihasratkan iaitu mewujudkan sebuah organisasi yang mempunyai mutu pentadbiran dan pengurusan yang cemerlang termasuk mensasarkan peningkatan keberkesanan tadbir urus Universiti (*better university governance*), peningkatan akauntabiliti, pembudayaan kecemerlangan akademik; memperkayakan penyelidikan; dan pengukuhan sahsiah di kalangan staf dan pelajar.

3.0 Keputusan-keputusan yang telah dipersetujui di bawah penstrukturan dan pengorganisasian semula adalah seperti berikut:

- i. **menerima pakai tafsiran seperti termaktub di bawah Perlembagaan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia Bahagian II, berkaitan Pegawai Kolej Universiti; Bahagian III berkaitan Pegawai Pihak Berkuasa Kolej Universiti dan Bahagian IV berkaitan Statut, Kaedah-kaedah dan Peraturan-peraturan;**
- ii. penubuhan **Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran** sebagai sebuah pusat tanggungjawab (PTJ) baru dan akan **diketuai oleh seorang Pengarah** yang bertaraf Dekan;
- iii. penubuhan **Pusat Pengajian Siswazah** sebagai sebuah PTJ yang baru dan akan **diketuai oleh seorang Dekan;**

- iv. penubuhan **Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa** (terdahulu dikenali Bahagian Perhubungan Korporat dan Antarabangsa, Canseleri); dan **Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi** (terdahulu dikenali Bahagian Jaminan Kualiti dan Akreditasi, Canseleri) dan **Penerbit Universiti** (terdahulu dikenali sebagai Jabatan Penerbitan, Canseleri) **sebagai PTJ-PTJ yang baru dan masing-masing akan diketuai oleh Pengarah** yang bertaraf Dekan;
- v. **Jabatan Ko-Kurikulum yang terdahulunya sebuah jabatan di Canseleri akan diletakkan sebagai sebuah jabatan di Pusat Perkhidmatan Akademik; dan**
- vi. **PTJ-PTJ yang lain adalah dikekalkan. Gambaran umum struktur PTJ yang akan melaksanakan fungsi pengurusan Universiti digambarkan seperti di Lampiran A dan B.**

4.0 Berikutan daripada perkembangan perkara 3 di atas sebarang penentuan bahagian, jabatan dan unit di bawah sesuatu pusat tanggungjawab (Pejabat / Fakulti / Pusat/ Institut) adalah bersifat dinamik dan boleh dipinda merujuk kepada keperluan dan perancangan PTJ masing-masing tertakluk kepada kelulusan dan pengesahan Majlis Eksekutif. **Kedudukan bahagian, jabatan dan unit di bawah PTJ-PTJ sehingga kini adalah seperti di Lampiran 1-16 dan dimaklumi oleh Majlis Eksekutif.**


5.0 Peranan dan tanggungjawab secara terperinci semua Pusat Tanggungjawab perlu diadakan oleh Ketua PTJ tertakluk kepada kelulusan Majlis Eksekutif dan sebagaimana ketetapan Statut-statut mengenai peranan dan bidang kuasanya.

6.0 Penstrukturan dan pengorganisasian semula Universiti ini adalah berkuat kuasa mulai 1 November 2004. Pekeliling ini juga akan membatalkan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 14/2002 bertarikh 18 Jun 2002.

Sekian, harap maklum.

**"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"**

Saya yang menurut perintah



**HASAN BIN SIRUN**

Pendaftar

*/nem*

sk Y.Bhg. Datuk Rektor  
Timbalan Rektor (Akademik)  
Timbalan Rektor (Pembangunan & Perancangan Korporat)  
Pegawai-pegawai Kanan / Dekan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar